

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1999/2000**

September 1999

PGT 312 – Sistem Pengajaran Sekolah Rendah

Masa: (2 jam)

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **2** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

ARAHAN: Anda dikehendaki menjawab **tiga** (3) soalan: **satu** (1) soalan dari bahagian A dan pilih **dua** (2) soalan lagi dari bahagian B.

BAHAGIAN A

1. ‘Matlamat Pendidikan Negara mementingkan pembentukan insan yang seimbang dan menyeluruh.’

Berdasarkan tugas/tanggung jawab, kemahiran dan pengetahuan anda sebagai guru sekolah rendah bagaimanakah cara anda melaksanakan matlamat ini?

(30 markah)

...2/-

BAHAGIAN B

1. Pilih dua teknik pengajaran berikut dan bincangkan.

- a. Teknik penyoalan
- b. Teknik sumbang saran
- c. Teknik melapor
- d. Teknik latih tubi

(15 markah)

Sediakan **satu** rancangan pengajaran yang menggunakan kedua-dua teknik yang anda pilih.

(20 markah)

2. Terangkan maksud perbezaan individu?

(5 markah)

Mengapa perbezaan individu ini wujud?

(5 markah)

Apakah kaitan perbezaan individu dengan pembelajaran kanak-kanak?

(10 markah)

Jelaskan kanak-kanak yang perlu diberi perhatian yang lebih dan bagaimanakah perhatian ini perlu ditunjuk atau diberikan?

(15 markah)

3. Bezakan mod pengajaran ‘expository’ dan ‘inquiry’.

(20 markah)

Tunjukkan satu contoh pengajaran yang menggunakan kedua-dua mod tersebut dengan memberi penekanan pada kelebihan atau kekuatannya.

(15 markah)

4. Pembelajaran individu penting untuk kanak-kanak tertentu. Jelaskan.

(15 markah)

Huraikan prinsip-prinsip dan langkah-langkah persediaan pembelajaran individu secara terperinci.

(20 markah)